



**PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI (OACP)
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG
2024-2028**

FIRMAN ALLAH S.W.T

Surah Al- Baqarah Ayat 168

“ Wahai manusia ! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh nyata bagi kamu ”

Surah Al- Baqarah Ayat 188

“ Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya ”

Surah Al- Anfal Ayat 27

“ Wahai orang-orang yang beriman ! Janganlah mengkhianati Allah dan rasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahuinya ”

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi dalam Bahasa Inggeris di sebut Organisational Anti-Corruption Plan atau singkatannya OACP bagi Jabatan Agama Islam Pahang untuk tempoh 5 tahun, merupakan satu naskah yang dirangka sebagai panduan dan rujukan utama dalam hal ehwal pengurusan Jabatan Agama Islam Pahang sebagai satu usaha menangani masalah integriti, rasuah, penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa. Ianya merupakan komitmen tertinggi Jabatan Agama Islam Pahang untuk mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran bagi mencapai aspirasi menjadi sebuah agensi yang bebas rasuah dan berintergriti. OACP ini telah dihasilkan secara kolektif, melibatkan semua bahagian yang ada di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang. Segala input penting seperti Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Kes-Kes Tatatertib dan Laporan Audit Dalam akan sentiasa diteliti dan diperhalusi bagi menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik serta keutamaan kepada mekanisme pengurusan kawalan risiko di Jabatan Agama Islam Pahang.

Sejajar dengan Visi OACP Pejabat SUK Pahang iaitu “Pahang Maju Bebas Rasuah”, pembangunan OACP ini berlandaskan 3 bidang keutamaan iaitu Tadbir Urus, Kewangan dan Perolehan serta Operasi. Sebanyak 3 strategi dan 3 objektif strategik telah digariskan bagi memayungi 35 inisiatif atau pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat pelan ini iaitu meningkatkan sistem penyampaian berasaskan tadbir urus yang baik. Setiap inisiatif atau pelan tindakan yang dirangka telah mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah.

Semoga dengan adanya OACP ini sebagai panduan, Jabatan Agama Islam Pahang akan sentiasa telus dan bebas dari gejala rasuah serta berada dalam landasan tepat bagi menjadikan negeri Pahang sebuah negeri maju, mampan serta bebas rasuah.

PENGENALAN

- Latar Belakang JAIP
- Carta Organisasi JAIP
- Visi, Misi dan Nilai JAIP
- Aplikasi Maqasid Syariah
- Keperluan Pembangunan OACP

ANALISIS, ISU DAN CABARAN

- Analisis Data Aduan Integriti
- Analisis Data Laporan Kes-Kes Tatatertib
- Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)
- Analisis Data
- Analisis Data (Bidang-Bidang Yang Berisiko)

KERANGKA OACP

- Carta Organisasi OACP JAIP
- Visi dan Misi OACP
- Objektif OACP
- Bidang Keutamaan OACP
- Strategi dan Objektif Strategik OACP
- Inisiatif dan Pelan Tindakan OACP

TADBIR URUS

- Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian

PENUTUP

RUJUKAN

GALERI

PERUTUSAN PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Agama Islam Pahang 2024–2028 yang komprehensif telah berjaya dihasilkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pegawai, kakitangan serta semua pihak yang terlibat dalam membangunkan OACP ini.

JAIP sangat komited mendukung aspirasi tersebut bagi menjadikan ianya satu jabatan yang bebas rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



OACP ini dihasilkan untuk tempoh 5 tahun, dibangunkan secara kolektif sebagai platform yang kukuh ke arah usaha membudayakan integriti dikalangan warga kerja JAIP bagi penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Saya menyeru semua pihak khususnya warga kerja JAIP untuk sama-sama menggembung tenaga serta berganding bahu bagi menjadikan jabatan ini sentiasa bebas daripada gejala rasuah, penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al- Baqarah ayat 188, yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Saya juga ingin memetik sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah, daripada Abdullah bin ‘Amr, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah”.

Di sini suka saya untuk kongsikan serangkap pantun,

“Siang malam membawa beca,
Membawa pelancong luar negara,
Tamak haloba menjadi punca,
Rasuah penyebab jatuhnya negara”.

Justeru itu, besarlah harapan saya agar OACP ini menjadi panduan, rujukan serta dapat dilaksanakan dengan jayanya. Diharapkan juga seluruh warga kerja JAIP dapat menghayati dan membudayakan integriti seterusnya menghindarkan diri dari terjebak dengan salah laku yang bertentangan dengan syariat dan tatakelakuan penjawat awam.

LATAR BELAKANG

Jabatan Agama Islam Pahang atau singkatannya JAIP adalah salah sebuah dari jabatan kerajaan negeri di negeri Pahang Darul Makmur dan bangunan pejabatnya terletak di daerah Pekan, Pahang.

Jabatan Agama Islam Pahang telah ditubuhkan pada tahun 1926, pada masa itu dikenali dengan nama Majlis Anggota Islam. Pengurusannya terletak di bawah tanggungjawab Tengku Besar Pahang, Al-Marhum Yang Amat Mulia Tengku Besar Sulaiman Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad yang dilantik sebagai ketuanya yang pertama. Ia beroperasi di sebuah bangunan kayu yang kecil, terletak berhampiran dengan tempat kediaman Al-Marhum. Kemudian pejabatnya dipindahkan ke Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sehingga akhir tahun 1951. Seterusnya ia dipindahkan pula ke Balai Hinggap di pingir sungai di Pekan Lama, Pekan. Pada 25 Mei 1973, Jabatan Agama Islam Pahang telah dengan rasminya ditempatkan di bangunan sedia ada sekarang.

Pada awal penubuhannya, bidang tugas JAIP hanya berkisar kepada aspek pentadbiran, pengurusan nikah cerai rujuk Orang Islam dan mahkamah syariah. Ia dianggotai oleh seorang ketua jabatan, seorang Mufti dan empat orang kerani sahaja. Pada tahun 1956 Undang-Undang Majlis Anggota Islam telah dipinda dan diganti dengan Undang-Undang Tadbir Agama Islam Tahun 1956. Serentak dengan itu, penubuhan Pejabat Qadhi Daerah iaitu di daerah Rompin, Pekan, Kuantan, Chenor, Temerloh, Jerantut, Lipis, Bentong, Raub, Cameron Highlands dan Chenor dalam daerah Maran.

Pada tahun 1960-an dan seterusnya, JAIP telah mengalami perkembangan pesat dari segi bidang tugas, maka telah wujud bahagian dan unit baru sejajar dengan penambahan bilangan pegawai dan kakitangan serta pengambil alihan sekolah-sekolah agama rakyat dan pewujudan masjid-masjid daerah.

SEJARAH PERKEMBANGAN JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

1951-1980

- Jabatan Agama Islam Pahang ditubuhkan.
- Nama asalnya Majlis Anggota Islam, pengurusan di bawah Tengku Besar Pahang.
- Beroperasi di sebuah bangunan kayu bersebelahan dengan rumah Al-Marhum.
- Bermula dengan 6 perjawatan iaitu 1 orang ketua jabatan, 1 orang mufti, 4 orang kerani.
- Pendidikan agama di negeri Pahang bermula dari institusi pondok sehingga menjadi sekolah agama rakyat yang ditubuhkan oleh alim ulama yang menerima pendidikan dalam dan luar negara.
- 1973 JAIP dipindahkan di tempat sekarang.

1981-2000

- Pejabat agama Islam daerah diwujudkan iaitu Rompin, Pekan, Kuantan, Chenor, Raub, Maran, Temerloh, Bentong, Lipis, Jerantut dan Cameron Highlands.
- Pentadbiran JAIP dipindahkan ke Balai Hinggap di pinggir sungai Pekan.
- Kerajaan Negeri telah mengambil alih pengurusan sekolah menengah agama negeri dan diletakkan di bawah pengurusan JAIP. Sekolah berikut ialah SMA Tengku Ampuan Fatimah, SMA Al-Ihsan, SMA Al-Maidah, SMA Pelangai, SMA Pulau Tawar, SMA Rompin, SMA Maran, SMA Al-Attas, SMA Al-Khairiah, SMA Dong dan Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar.


1981-2000

- Pemisahan pentadbiran mahkamah syariah dari Jabatan Agama Islam kepada jabatan baru.
- Pertambahan pejabat agama Islam baru iaitu di Jengka, Muadzam Shah dan Bera.
- Pewujudan Masjid Negeri.
- SMA Al-Wosto, SMA Al-Falah Batu Talam, SMA Bukit Ibam, Maahad SAS, SMA Guai, SMA Al-Basriah.

2001-2022

- Pewujudan bahagian baru dan perkembangan jawatan baru di JAIP iaitu jawatan Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal dan jawatan Imam Gred Profesional.
- Pertambahan blok bangunan baru.
- Perjawatan sekarang 1,300 orang.
- 4 sekolah aliran sains ditubuhkan iaitu di SMA Al-Ihsan, SMA Al-Khairiah, SMA Tengku Ampuan Fatimah dan SMA Padang Tengku.
- Pemisahan Bahagian Pendakwaan dan dinaiktaraf kepada sebuah jabatan.
- Pewujudan kelas tahniz di semua SMAN.
- Pewujudan Kelas Tahfiz Bestari di Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar.


CARTA ORGANISASI JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG



SUMBER : Surat Kelulusan Perjawatan (SKP)
Jabatan Agama Islam Pahang Bil. N70 Tahun 2023

CARTA ORGANISASI SEKRETARIAT JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

OACP
2024-2028



VISI

**Meneraju Institusi Hal Ehwal Islam berteraskan
Pengurusan Rabbani menjelang 2027**

MISI

**Melestarikan Pengurusan dan Perkhidmatan Hal
Ehwal Islam yang Berkualiti Melalui Pengetahuan
dan Amalan Penghayatan Islam dengan Budaya
Kerja yang Efektif serta Efisyen**

NILAI JAIP



JATI DIRI JUARA

Menjadi penjawat awam yang efektif dari sudut kualiti peribadi, kompetensi pengajaran dan pembelajaran serta penghayatan dan amalan nilai.



AMANAH

Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi dan tidak mementingkan diri sendiri atau memilih pekerjaan.



INTEGRITI

Menghayati nilai integriti diri melalui pemikiran, amalan dan tindakan.



PROFESIONALISME

Mengamalkan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan tidak mementingkan diri sendiri atau memilih pekerjaan.

MAQOSID SYARIAH

MENJAGA AGAMA

Menolak rasuah dengan menerapkan unsur kerohanian, pentauhidan dan kebergantungan kepada Allah dalam urusan pentadbiran, kepimpinan dan budaya kerja organisasi.

MENJAGA AKAL

Menyubur akal melalui program-program kesedaran bagi meningkatkan pembangunan sahsiah diri untuk mengelak sebarang bentuk perlakuan yang boleh menyumbang kepada kebejatan akhlak.

MENJAGA NYAWA

Mengutamakan keselamatan dan keamanan awam daripada sebarang kegiatan yang boleh menggugat atau mengancam nyawa melalui prinsip keadilan sosial.

Mengekang sebarang unsur yang boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran integriti atau pencabulan terhadap kehormatan orang lain melalui tindakan punitif dan pengukuhan nilai dalaman serta akhlak.

MENJAGA KETURUNAN

MENJAGA HARTA

Melindungi wang negara daripada sebarang bentuk perlakuan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan dan pembaziran melalui sistem kawalan dalaman dan tadbir urus yang baik.

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH

OACP ini mengandungi tindakan yang menyeluruh dan bersepada dalam usaha membanteras rasuah. OACP ini juga akan membantu JAIP dalam **pelaksanaan ABMS MS ISO 37001: 2016** dan memperkuatkan integriti di kalangan warga kerja JAIP. OACP ini mampu menjadi penanda aras yang berpotensi dalam membantu JAIP mengenalpasti, menganalisa, merancang, melaksana dan memantau tindakan bagi menangani isu rasuah di kalangan warga kerja.

Pelaksanaan ini seiring dengan landasan kerajaan dan Pejabat SUK Negeri Pahang dalam membendung kes-kes berkaitan rasuah yang wajar dilaksanakan bagi mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan warga kerja dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan. Impak dan kesan rasuah telah membuktikan bahawa kerosakan yang terjadi memberi kesan yang mendalam kepada institusi dan pertumbuhan negara amnya.

Secara ringkasnya, pembangunan OACP diperlukan bagi memupuk nilai jati diri juara, amanah, integriti dan profesionalisme dalam kalangan warga kerja JAIP. Justeru, pembangunan OACP ini akan dapat memastikan pengurusan organisasi yang bebas rasuah. OACP ini diwujudkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Kerajaan Negeri Pahang Siri 10 Bil. 2 Tahun 2023.

ANALISIS

Dalam fasa pembangunan OACP JAIP, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan. Data-data yang dikumpul dan digunakan merangkumi aduan awam, aduan integriti dan kes-kes tatatertib melibatkan warga kerja JAIP. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) JAIP turut dirangka melibatkan semua bahagian dan Pusat Tanggungjawab di bawah pentadbiran JAIP bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah di JAIP.

Sebagai usaha dalam mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah, tadbir urus dan integriti, JAIP telah melakukan kajian dan analisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu pembangunan OACP ini.

| ISU DAN CABARAN

Dalam usaha JAIP membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, terdapat beberapa isu utama yang dikenalpasti seperti:-

1. Salah guna jawatan, penyelewengan dan campur tangan pihak ketiga.
2. Kawalan dalaman yang kurang efektif.
3. Kurang tindakan pemantauan dan penguatkuasaan.
4. Integriti kakitangan dalam penggunaan teknologi maklumat yang mengakibatkan kebocoran maklumat.
5. Sikap dan mentaliti pegawai yang mengikut budaya kerja lama.

| ANALISIS DATA ADUAN INTEGRITI

Statistik bilangan aduan integriti yang diterima oleh Pegawai Integriti JAIP dari tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah seperti jadual berikut :-

TAHUN	BILANGAN ADUAN
2019	25
2020	33
2021	27
2022	39
2023	23

Sumber: Unit Pentadbiran Am dan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan JAIP


ANALISIS DATA LAPORAN KES-KES TATATERTIB

Statistik kes tatatertib yang telah selesai dari tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah seperti jadual berikut :-

TAHUN	JUMLAH KES		
	KES BIASA	KES MAHKAMAH	TIADA KES
2019	-	-	25
2020	1	-	32
2021	1	-	26
2022	2	1	36
2023	2	-	21

Sumber: Unit Pentadbiran Am dan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan JAIP

ANALISIS DATA LAPORAN KES-KES TATATERIB 2019-2023



ANALISIS DATA LAPORAN KES-KES TATATERTIB

ANALISIS DATA LAPORAN KES-KES TATATERTIB		
TAHUN	KES	
	KESALAHAN	TINDAKAN
2019	TIADA	TIADA
2020	PENYALAHGUNAAN JAWATAN	TIADA KESALAHAN
2021	TIDAK BERTANGGUNGAWAB & CUAI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS	DENDA 7 HARI EMOLUMEN
2022	PENYALAHGUNAAN DADAH	BUANG KERJA
	TIDAK HADIR BERTUGAS	BUANG KERJA
2022	MELANGGAR PERATURAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)	TURUN PANGKAT
2023	TIDAK HADIR BERTUGAS	BUANG KERJA
	TIDAK BERTANGGUNGAWAB & CUAI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS	TURUN GAJI

Sumber: Unit Pentadbiran Am dan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan JAIP

ANALISIS DATA LAPORAN KES – KES TATATERTIB

Pola statistik kes tataterrib bagi JAIP dari tahun 2019 hingga 2023 yang merangkumi kes-kes seperti tidak hadir bertugas, penyalahgunaan dadah, melanggar peraturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan lain-lain, merekodkan hanya satu kes melibatkan kes rasuah iaitu penyalahgunaan jawatan namun siasatan mendapati tiada kesalahan dilakukan.

SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI JAIP

Audit Nilai merupakan satu proses mengukur amalan nilai murni sesebuah agensi dalam perkhidmatan awam. Maklumat yang diperoleh boleh membantu pasukan audit nilai mengenalpasti kekuatan dan kelemahan, serta membantu ketua agensi membangunkan program-program bersesuaian untuk menimbulkan kesedaran, mengukuhkan penghayatan dan mengekalkan amalan nilai di kalangan pegawai dan kakitangan. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dijalankan bagi tujuan untuk mengumpulkan maklumat latar belakang pejabat, program-program nilai yang telah dijalankan dan juga laporan tahunan jabatan daripada pelbagai sumber.

Sistem Pengurusan Audit Nilai ini juga dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut di JAIP.

Pelaksanaan SPAN bagi tahun 2019 dan 2022 ditangguh dan tidak dijalankan atas faktor pandemik Covid-19 dan tiada data dapat dipaparkan bagi tahun tersebut. Pelaksanaan SPAN dilaksanakan semula pada tahun 2023.

Dalam pelaksanaan SPAN ini, terdapat lima (5) mekanisme yang digunakan bagi mengukur keberkesanan program iaitu:

1. Rekod Amalan Nilai (rekod daripada Bahagian, PAID dan SMAN)
2. Indeks Nilai Ideal;
3. Indeks Nilai Peribadi;
4. Indeks Nilai Organisasi; dan
5. Rekod Maklum Balas Pelanggan (sistem penilaian atas talian)

ANALISIS DATA

Mulai tahun 2024, JAIP akan mengumpulkan pelbagai data melalui bengkel analisis data yang diadakan bagi proses penilaian risiko untuk menentukan dan mengenalpasti kesalahan rasuah yang menjadi tumpuan dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

Data-data akan dikumpulkan melalui penilaian dan pemantauan pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), aduan integriti, laporan kes-kes tatatertib, Laporan Ketua Audit Negara dan laporan-laporan audit dalam.

1	PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)	Merupakan panduan utama bagi mendapatkan gambaran pembangunan Pelan OACP JAIP
2	PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)	Data primier bagi pembangunan Pelan OACP Jabatan Agama Islam Pahang. Menyemak semula dan menambah baik semua data dan statistik bagi risiko rasuah yang telah dikenalpasti.
3	DATA SOKONGAN	Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan-laporan audit dalam, laporan Ketua Audit Negara dan bengkel perancangan senario.

ANALISIS DATA (BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO)

1	TADBIR URUS	<p>Pengurusan hal ehwal pentadbiran bagi Jabatan Agama Islam Pahang merupakan asas utama dalam sektor awam kerana penyampaian perkhidmatan awam akan mencerminkan imej jabatan tersebut. Pengurusan yang lebih cekap dan efektif perlu diambil kira bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam Negeri Pahang memenuhi kehendak pelanggan.</p> <p>Tadbir urus boleh ditakrifkan sebagai pelaksanaan ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal agama jabatan. Ia terdiri daripada mekanisme dan proses pentadbiran jabatan mengikut undang-undang dan nilai etika yang baik. Pemegang taruh memainkan peranan yang penting dalam memastikan tadbir urus yang baik.</p> <p>Menguruskan hal berkaitan penempatan anggota perkhidmatan dan semua urusan berkaitan sepanjang dan selepas perkhidmatan. Pengurusan Sumber Manusia yang cekap dan teratur akan melahirkan penjawat awam yang beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan.</p>
2	KEWANGAN DAN PEROLEHAN	Merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Pahang, kawalan dalaman dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipertingkatkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan.
3	OPERASI	Merupakan salah satu bidang yang paling terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna jawatan. Proses di dalam bidang ini hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan dan perolehan yang telus dan berakauntabiliti amat penting bagi memastikan tiadakerugian dan ketirisan hasil berlaku.

KERANGKA OACP



VISI

Meneraju Institusi Hal Ehwal Islam Yang Berintegriti dan Bebas Rasuah Berteraskan Pengurusan Rabbani

MISI

Melestarikan Pengurusan dan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Yang Berkualiti Melalui Tadbir Urus Yang Efektif dan Efisyen serta Amalan Penghayatan Islam Yang Cekap dan Telus

BIDANG KEUTAMAAN

**TADBIR
URUS**

**KEWANGAN
DAN
PEROLEHAN**

OPERASI

STRATEGI

Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti

Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan mengikut prosedur yang ditetapkan

Memantapkan pengoperasian, dan pengurusan hal ehwal islam berlandaskan undang-undang dengan membudayakan ketelusan & profesionalisme yang kompeten

OBJEKTIF STRATEGIK

Melaksanakan tadbir urus yang progresif, responsif, komprehensif dan berintegriti


Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan berdasarkan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial, dan kesaksamaan

Memperkasakan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan



CARTA ORGANISASI OACP JAIP

OACP
2024-2028



VISI DAN MISI OACP

Meneraju Institusi Hal Ehwal Islam
yang berintegriti dan bebas rasuah
berteraskan Pengurusan Rabbani.

VISI

MISI

Melestarikan Pengurusan dan
Perkhidmatan Hal Ehwal Islam yang
Berkualiti Melalui tadbir urus yang efektif
dan efisyen serta Amalan Penghayatan
Islam yang cekap dan telus.

OBJEKTIF OACP

TADBIR URUS

Melaksanakan tadbir urus yang progresif, responsif, komprehensif dan berintegriti.

KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan berdasarkan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial dan kesaksamaan.

OPERASI

Memperkasakan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan

BIDANG KEUTAMAAN OACP

TADBIR URUS

Demi mencapai kecemerlangan dalam pengurusan pentadbiran JAIP, tanggungjawab yang digalas sewajarnya dilaksanakan dengan telus, berhemat dan berakauntabiliti untuk jaminan keberkesanan dan kualiti melalui penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien di samping mengekalkan profesionalisme bagi memenuhi harapan pelanggan dan pihak berkepentingan.

KEWANGAN & PEROLEHAN

Pengetahuan terbaik tentang konsep, operasi dan prosedur dalam bidang ekonomi adalah penting untuk memastikan pengurusan wang dalam situasi khusus. Memandangkan kewangan dan perolehan melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, pelaksanaan yang cekap, telus dan meyakinkan bagi melindungi kepentingan kumpulan sasar harus diberi keutamaan bagi membendung isu rasuah,

OPERASI

Kawalan dan penyeliaan yang telus, adil, cekap dan menyeluruh oleh kakitangan JAIP mengikut SOP merujuk kepada perundungan dan peraturan yang perlu dikuatkuasakan memainkan peranan penting dalam memastikan masyarakat terus diberikan perkhidmatan yang sempurna tanpa sebarang pengecualian, ketidakadilan dan ketidaksamaan.

STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK OACP



STRATEGI

Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti

Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan mengikut prosedur yang ditetapkan

Memantapkan pengoperasian dan pengurusan hal ehwal islam berlandaskan undang- undang dengan membudayakan ketelusan dan profesionalisme yang kompeten

**OBJEKTIF
STRATEGIK**

Melaksanakan tadbir urus yang progresif responsif komprehensif dan berintegriti

Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan berdasarkan nilai nilai keterangkuman,keadilan sosial dan kesaksamaan.

Memperkasakan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan

INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP

BIDANG KEUTAMAAN 1 : TADBIR URUS

STRATEGI		S 1	Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti	
OBJEKTIF STRATEGIK		OS 1	Melaksanakan tadbir urus yang cekap, berkesan dan berintegriti	
BIL	INISIATIF / TINDAKAN		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P1	Membayar tuntutan kerja lebih masa sebagaimana arahan kerja lebih masa berdasarkan kerja/task force yang diarahkan dari semasa ke semasa. Kawalan melalui senarai semak oleh pegawai penyelia melalui pencapaian kerja yang telah dilaksanakan sebelum menandatangani borang tuntutan.		Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Semua Bahagian	2024-2028
P2	Memastikan penggiliran kakitangan dan jadual bertugas kaunter berkaitan dengan perkhidmatan bayaran awam sentiasa dipatuhi.		Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P3	Melaksanakan pusingan kerja untuk 3 hingga 5 tahun sekali kepada pegawai/ kakitangan yang berkhidmat dijawatan yang berisiko tinggi.		Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P4	Melaksanakan kursus sekali setahun berkaitan pemerkasaan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan dan Pengurusan aset		Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028

BIL	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P5	Meningkatkan kecekapan pengurusan aset melalui proses pendaftaran yang lebih sistematik	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P6	Mewajibkan semua kakitangan yang mengendalikan dokumen terperingkat untuk melaksanakan Tapisan Keselamatan dan menandatangani Aku Janji.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P7	Melaksanakan semakan audit dalaman ke atas pengurusan stor Kerajaan dan aset setiap tahun.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P8	Menghadkan akses individu ke atas dokumen sulit Jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P9	Melaksanakan taklimat pengukuhan integriti bersama pihak SPRM dan jabatan berkaitan yang berisiko mengikut ketetapan kes.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P10	Melaksanakan program tahunan berkaitan kesedaran dan pencegahan melibatkan elemen integriti dalam proses kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P11	Menambah baik prosedur sedia ada dari masa ke semasa dengan memasukkan keperluan yang mengawal rasuah	Bahagian Pendidikan	2024-2028

BIDANG KEUTAMAAN 2 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	S 2	Memantapkan pengurusan kewangan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS 2	Memastikan proses kewangan dan perolehan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan beritegriti	
BIL	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P1	Melaksanakan bengkel tahunan mengenai tatacara berkaitan pengurusan kewangan efektif.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P2	Melakukan semakan tahunan mengejut dan audit dalaman berkaitan pengurusan perolehan dan kewangan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P3	Melaksanakan system <i>check & balance</i> (Pelaksanaan proses kewangan yang melibatkan beberapa bahagian bermula daripada awal proses sehingga tamat).	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028
P4	Membuat pusingan kerja secara pentadbiran (Pegawai/kakitangan yang menguruskan perolehan dan kewangan).	Bahagian Khidmat Pengurusan	2024-2028

BIDANG KEUTAMAAN 3 : OPERASI

STRATEGI	S 3	Memantapkan penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri Pahang	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS 3	Memperkuuh kecekapan dan pengamalan profesionalisme yang kompeten dan efisien dalam penyampaian perkhidmatan	
BIL	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P1	Menguatkuasakan operasi pernikahan mengikut persempadanan qariah yang telah ditetapkan	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P2	Mengukuhkan proses permohonan dan temuduga bagi Penolong Pendaftar Nikah,Cerai Dan Rujuk untuk mengelakkan pilih kasih	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P3	Meningkatkan kuasa jabatan dalam menamatkan tauliah bagi mana-mana pegawai yang melanggar undang-undang dengan menambahbaik enakmen keluarga islam	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P4	Mengukuhkan proses pelantikan dan penggiliran fasilitator Kursus Pra Perkahwinan Islam Negeri Pahang	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P5	Menguatkuasakan dokumen terperingkat bagi dokumen Khidmat Nasihat dan Rundingcara	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P6	Melaksanakan kawalan data peribadi ke atas data Sistem maklumat Perkahwinan Islam Pahang	Bahagian Pembangunan Keluarga	2024-2028
P7	Semakan dan pengesahan pada kertas kerja dan butiran permohonan perolehan bagi mengelak monopoli oleh pembekal tertentu	Bahagian Dakwah	2024-2028

BIL	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P8	Mengukuhkan tatacara pelantikan ahli Panel bagi Program Daurah Akidah, Forum Muttaqin dan Penceramah Program Rehlah Dakwah bagi mengelak orang yang sama menjadi ahli panel atau penceramah.	Bahagian Dakwah	2024-2028
P9	Memastikan setiap ahli panel program yang dilantik adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan serta berkelayakan dan mengikut prosedur lantikan yang betul.	Bahagian Dakwah	2024-2028
P10	Memperkuuh kecekapan dan pengamalan profesionalisme yang kompeten dan efisyen dalam penyampaian perkhidmatan	Bahagian Pendidikan	2024-2028
P11	Menguatkuasakan Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2021 dalam pengurusan rekod di bahagian	Bahagian Pendidikan	2024-2028
P12	Melaksanakan pemantauan dengan berintegriti berdasarkan jadual yang ditetapkan	Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau	2024-2028
P13	Mengawal pengurusan OKT tanpa penjamin	Bahagian Penguatkuasaan	2024-2028
P14	Mengadakan sesi bacaan Enakmen/ Undang-Undang yang berkaitan dengan tugas-tugas Pegawai Penguatkuasa Agama/ Pegawai Penguatkuasa Halal secara berkala.	Bahagian Penguatkuasaan Dan Bahagian Pengurusan Halal	2024-2028

BIL	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
P15	Mengadakan sesi bacaan Arahan Tetap Pengarah kepada Pegawai Penguatkuasa Agama/ Pegawai Penguatkuasa Halal secara berkala	Bahagian Penguatkuasaan Dan Bahagian Pengurusan Halal	2024-2028
P16	Melaksanakan sesi peringatan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama/ Pegawai Penguatkuasa Halal/ Pegawai Penyelidikan sebelum operasi	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal Dan Bahagian Penyelidikan	2024-2028
P17	Menyediakan cctv di bilik siasatan	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal Dan Bahagian Penyelidikan	2024-2028
P18	Menyediakan dan membuat semakan laporan operasi	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal Dan Bahagian Penyelidikan	2024-2028
P19	Melaksanakan penyeliaan ke atas Pegawai Penguatkuasa Agama Pegawai Penguatkuasa Halal/ Pegawai Penyelidikan oleh penyelia yang berpengalaman	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal Dan Bahagian Penyelidikan	2024-2028
P20	Membuat pemeriksaan atau pengecaman ekshibit, tempat simpan barang kes dan dokumen terperingkat secara berkala	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal Dan Bahagian Penyelidikan	2024-2028

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pegawai Integriti JAIP bertindak sebagai urus setia penyelaras OACP JAIP dan bekerjasama dengan Jawatankuasa OACP JAIP dalam prosedur pembangunan, pelaksanaan, pemantauan inisiatif dan pelaporan pencapaian OACP JAIP secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP JAIP akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP JAIP melalui Pegawai Integriti sebanyak dua (2) kali setahun untuk dikemukakan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSUK) apabila berkeperluan dan terdapat perubahan pada OACP tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang memainkan peranan yang penting sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan bagi memantau pelaksanaan inisiatif OACP JAIP seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Oleh itu, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada semua pihak terutamanya pihak pengurusan tertinggi, warga kerja JAIP dan pihak berkepentingan adalah penting bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan OACP JAIP. Pencapaian OACP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

PENUTUP

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Agama Islam Pahang bagi tempoh 5 tahun ini, merupakan satu tanda komitmen dan usaha jabatan ini dalam membanteras gejala dan amalan rasuah bagi meningkatkan tadbir urus yang baik dan budaya kerja berkualiti oleh semua warga kerja JAIP.

OACP ini juga telah menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif OACP ini dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

Bagi memastikan keberkesanan OACP ini, pelaksanaan kesemua inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala bagi memastikan setiap inisiatif dan pelan tindakan yang dirangka kekal relevan dengan keadaan semasa.

Akhirnya, diharapkan agar OACP ini dapat berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan tatakelola, integriti dan antirasuah di Jabatan Agama Islam Pahang selaras dengan Visi OACP JAIP iaitu “*Meneraju Institusi Hal Ehwal Islam Yang Berintegriti dan Bebas Rasuah Berteraskan Pengurusan Rabbani*”.

RUJUKAN

1. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021 - 2025.
2. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2021 - 2025.
3. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang 2024 - 2028.

GALERI



GALERI



AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Bahagian Khidmat Pengurusan

1. Pn. Anita binti Ahmad
2. Pn. Syafiqah binti Che Isan
3. Pn. Nor Afizah binti Ibrahim
4. Pn. Sri Mulyani Fatimah binti Hamzah
5. Pn. Nur Syamsina binti Abdul Walid
6. En. Mohd Saufi bin Zaidi

Bahagian Pembangunan Keluarga

1. Pn. Sazilarahimi binti Sepawi
2. Pn. Fatinah 'Azami binti Mahadzir
3. En. Wan Husaimi bin Wan Amran
4. En. Muhammad Syakirin bin Mohd Asri
5. Pn. Zuhaidah binti Fadzli

Bahagian Penyelidikan

1. En. Noridzuan bin Abdul Manan
2. En. Mohamad Azhan bin Mohd Taib
3. En. Ahmad Hilmy bin Mohd Termizi
4. Pn. Maizatulakma binti Abdul Aziz
5. En. Mohd Arif bin Abd Manap

Bahagian Penguatkuasaan

1. En. Muhamad Yusri bin Aman
2. En. Mohd Hafizuddin bin Abd Latif
3. En. Mohd Akram bin Zulkifly
4. En. Ahmad Afiq bin Nazri

Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau

1. En. Ahmad Nizam bin Abdul Manan
2. En. Syed Ana Ruhiza'at bin Syed Alwi
3. Pn. Siti Rabiah binti Mustafa
4. En. Ghapizan bin Mohamad

Bahagian Dakwah

1. Pn. Ummu Aiman binti Ab Basik'
2. En. Muhammad Asri bin Abdul Rahim
3. Pn. Jumatun binti Jamaluddin

Bahagian Pengurusan Halal

1. En. Muhammad Asyraaf bin Ahmad Raffli
2. En. Wan Mohd Abdullah bin Wan Awang
3. Pn. Husnizam binti Zainal Abidin

Bahagian Pendidikan

1. Pn. Nadiah binti Abdul Hamid
2. En. Ai'nnal Fadli bin Abdul Fatta

PANEL PENYEMAK

1. En. Saiful Idham bin Sahimi
2. Pn. Sazilarahimi binti Sepawi
3. Pn. Fatinah 'Azami binti Mahadzir
4. Pn. Ummu Aiman binti Ab. Basik
5. Pn. Nadiah binti Abdul Hamid
6. Pn. Jumatun binti Jamaluddin
7. Pn. Syafiqah binti Che Isan
8. Pn. Siti Rabiah binti Mustafa
9. Pn. Norhayati binti Bahaman
10. En. Mohd Hafizuddin bin Abd. Latif
11. Pn. Anita binti Ahmad
12. Pn. Sri Mulyani Fatimah binti Hamzah
13. Pn. Zuhaidah binti Fadzil
14. En. Ghapizan bin Mohamad
15. En. Aizuddin Hafiz bin Samsudin

URUS SETIA

1. En. Saiful Idham bin Sahimi
2. En. Mohd Fauzan bin Abd Jalil
3. Pn. Norhayati binti Bahaman
4. En. Aizuddin Hafiz bin Samsudin
5. Pn. Nurul Fani binti Mustafa Kamal
6. Pn. Noralina binti Rusli

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pengurusan Tertinggi JAIP dan semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Agama Islam Pahang 2024-2028. Terima kasih juga kepada pembimbing Puan Zarina binti Mohd Sharif, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Pahang, dan Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Semoga dengan usaha ini ia mampu menjadikan JAIP, satu jabatan yang komited dalam usaha membanteras amalan rasuah, penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa.



**JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG,
JALAN MASJID, 26600 PEKAN, PAHANG.
TELEFON : 609-4271111
FAX : 609-4228764
Emel : jaip@pahang.gov.my**